Malang-nya, perjalanan gerakan² pemasaran daiam bahagian pertanian sekarang ini ada-lah di-lakukan sa-chara liar dan tidak tersusun yang mana telah mengakibatkan nilai-nya tidak ekonomik dan tidak terjamin. Oleh kerana kekurangan modal dan usaha² pergerakan yang terhad, maka petani² dan nelayan² kita di-Malaysia tidak-lah mempunyai kekuatan tawar-menawar untuk mendapatkan harga yang berpatutan bagi hasil pengeluaran mereka yang akhir-nya menyebabkan mereka terjerumus ka-dalam perangkap orang tengah dan pemodal². Boleh di-katakan di-seluruh kawasan² luar bandar di-Malaysia ini, hasil² pertanian-lah yang menjadi sumber pendapatan yang utama bagi penduduk²-nya. Sa-bahagian daripada hasil² pertanian itu di-gunakan oleh petani² sendiri dan yang sa-lain-nya itu di-pasarkan. Sungguh pun langkah² telah di-ambil, seperti menetapkan harga padi yang sa-rendah²nya dan menubuhkan sharikat² kerjasama pinjam-meminjam, untuk memajukan kedudukan tawar-menawar bagi petani² dan membebaskan mereka dari belunggu orang² tengah dan pemodal², tetapi sa-takat ini belum-lah lagi memadai.

Ahli² Yang Berhormat mungkin sedar bahawa sistem pemasaran pertanian di-negeri ini sangat² "tidak sempurna" dalam erti kata ekonomi. Keadaan tidak sempurna ini ada-lah timbul dari faktor² saperti hutang² yang terikat, penggunaan timbangan dan sukatan yang tidak jujur, ketiadaan darjah dan tingkatan mutu hasil² pertanian, luas satu² ladang tidak menchukupi, kekurangan penerangan pasaran, monopoli orang² tengah dan sa-bagai-nya. Saya tidak-lah hendak berchapak satu persatu berkenaan dengan faktor² ini chuma sa-kadar menyatakan bahawa ketidak sempurnaan yang saya katakan itu-lah yang menyebabkan petani² kita

terdedah kepada tindakan orang² tengah dan pemodal².

Sa-lain dari itu, pasaran, mengikut tafsiran ekonomi, bukan-lah hanya sa-takat menjual dan membeli; malahan ia-lah seluroh rangkaian perjalanan ekonomi yang bermuia dari masa mengeluarkan sa-suatu bahan itu hingga-lah kepada masa bahan itu di-gunakan. Oleh itu-lah maka banyak kaitan-nya dalam rangkaian itu dan tidak-lah asing bagi saya menunjukkan keburokan² dalam seluroh rangkaian pasaran sekarang ini yang mesti di-tukar, di-pinda dan di-perbaiki. Mithal-nya, chara menentukan darjah mutu dengan mengagak² dan tidak tepat itu akan menimbulkan rasa tidak puas hati dan pertelingkahan di-antara pembeli dan penjual. Pemasaran hasil² pertanian selalu terhalang dan tergendala oleh kekurangan kemudahan² pengangkutan dan perhubungan di-kawasan² luar bandar. Di-punchak musim buah²an dan musim menuai banyak-lah bilangan petani² kita terpaksa menjualkan hasil pengeluaran mereka dengan harga yang paling murah kepada pembeli² yang mampu mengadakan pengangkutan yang di-perlukan; kalau tidak berbuat demikian, maka hasil pengeluaran mereka, akan menjadi rosak dan busok. Kekurangan penerangan tentang kedudukan pasaran yang lengkap daripada satu masa ka-satu masa ada-lah selalu-nya menjadi salah satu faktor yang menyebabkan rendah-nya harga² yang di-bayar oleh pembeli² kepada petani kita.

Oleh yang demikian, maka jelas-lah bahawa sa-buah Lembaga Pemasaran sangat² di-kehendaki supaya dapat, di-antara-nya, menjalankan penyiasatan dan penyelidikan bagi mengadkan satu panduan di-dalam kerja² menyusun rancangan kemajuan pemasaran yang lebeh sesuai dan lebeh lengkap bagi melichinkan pemasaran hasil² pertanian dengan harga² yang berpatutan dan terjamin. Ini-lah sa-bagai inti sari, tugas² Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan yang di-chadangkan itu yang mana Rang Undang² ini bermaksud men-chiptakan-nya.

Saya percaya, mungkin ada orang² yang berpendapat bahawa apabila saja Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan ini di-tubuhkan, maka ekonomi pemasaran bebas seperti yang ada sekarang ini di-hapuskan serta merta. Ini bukan-lah sa-kali² tujuan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan yang di-chadangkan kerana sa-bagaimana yang terchatit dalam Rang Undang² ini bahawa Lembaga yang di-tubuhkan di-bawah Rang Undang² ini terutama-nya, ia-lah sa-buah badan yang mempunyai kuat-kuasa dan kedua-nya banyak perlindungan² di-beri kepada hak² orang² persaorangan sharikat² dan pertubohan².

Saya suka hendak menyatakan di-sini pada garis kasar-nya bahawa ada-lah menjadi tujuan dan dasar Kerajaan Perikatan menggalakkan perniagaan bebas, terutama sa-kali di-bahagian perniagaan bersendirian tetapi hendak-lah sedar bahawa memandang kepada sa-tengah² undang² yang ketat seperti yang saya katakan di-atas tadi dan juga kedudukan ekonomi pertanian yang terbesar di-Malaysia, maka ada-lah menjadi tugas utama bagi Kerajaan menjamin pendapatan yang lebeh wajar kepada petani², penternak² dan nelayan² kita dari hasil pengeluaran tenaga mereka.

Saya juga suka hendak melenyapkan segala perasaan bimbang yang mungkin terdapat di-kalangan orang ramai bahawa apabila saja Lembaga Pemasaran ini di-tubuhkan, beberapa buah pasaran monopoli akan timbul di-negeri ini dan keadaan pasaran bebas akan lenyap. Ini tidak akan berlaku. Ahli² Yang Berhormat akan membacha dalam Rang Undang² ini bahawa kewajipan Lembaga Pemasaran ini supaya mengadakan penyelidekan umum memberi peluang kepada pehak² yang berkepentingan, sama ada orang² persaorangan atau pertubohan, mengemukakan pendapat mereka apa-kah sa-suatu rancangan pasaran khas itu perlu atau tidak sa-belum Lembaga Pemasaran yang di-chadangkan ini menyampaikan sokongan-nya kepada saya, sa-bagai Menteri yang bertanggung-jawab bagi

Lembaga Pemasaran ini. Sunggoh pun bagitu, Lembaga Pemasaran ini tidak-lah boleh menyokong sa-barang rancangan pasaran yang bertujuan menubuhkan sa-suatu badan pemasaran, sama ada bersendirian atau bersama² dengan sa-barang pertubohan lain, yang akan mempunyai kuasa monopoli di-atas pemasaran hasil² pertanian, di-kebanyakan Negeri² di-Tanah Melayu.

Dengan lain² perkataan, jika sa-kira-nya rancangan pemasaran itu bertujuan menubuhkan sa-suatu atau beberapa buah badan pemasaran yang mempunyai kuasa monopoli yang tunggal di-atas pemasaran hasil pertanian ini dalam lebeh daripada sa-tengah² negeri di-Malaysia, maka rancangan yang demikian itu terpaksa-lah di-jadikan satu perkara undang² yang tersendiri supaya burok baik-nya rancangan itu dapat di-bahathkan di-dalam Dewan ini dengan lebeh lanjut. Ini bererti-lah bahawa Lembaga Pemasaran yang di-chadangkan ini hendak-lah terlebih dahulu menjalankan penyiasatan dan penyelidekan yang teliti berkenaan dengan kedudukan dan keadaan pasaran sa-suatu jenis hasil pertanian itu yang sa-benar-nya sa-belum ia menyokong sa-barang rancangan pasaran itu dan mungkin juga satu jalan yang sa-baik²-nya dalam keadaan² yang bagitu ia-lah melantek badan² pemasaran yang ada atau sharikat² dengan chara yang adil.

Sa-lain daripada itu, susunan pasaran yang terbaik mungkin bererti satu kemajuan mengenai kemudahan² pengangkutan, pembungkusan (packing) dan proses; juga mungkin bererti satu kejayaan menentukan mutu dan darjah, dan lain² sa-bagai-nya. Saya percaya bahawa dengan perlindungan² ini, maka kuat-kuasa yang di-amanatkan kepada Lembaga Pemasaran ini dapat melengkapkan alat² bagi mernajukan sistem pasaran.

Sekarang saya akan berchakap tentang beberapa perkara yang penting mengenai Rang Undang² ini.

- (i) Rang Undang² ini ia-lah untuk seluroh Malaysia sa-bagaimana tersebut di-dalam Fasal 1 (2). Bagaimana pun, saya suka memberi pengakuan kepada

Kerajaan² Singapura, Sarawak dan Sabah ia-itu sa-barang ranchangan pemasaran bagi memperluaskan kuat-kuasanya ka-Negeri² itu hanya akan di-ishtiharkan sa-telah berunding dengan Kerajaan Negeri yang berkenaan.

- (ii) Lembaga Pemasaran ini akan mengandongi sa-orang Pengerusi dan sa-orang limbaian Pengerusi di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong, lima orang pegawai mewakili Kementerian² yang berkepentingan, dan tidak kurang daripada lima dan tidak lebeh daripada lapan orang ahli² tidak resmi di-lantek oleh Menteri Pertanian dari kalangan orang² yang telah mempunya'i pengalaman² dan telah menunjukkan kebolehan² di-dalam segala hal yang bersangkutan dengan hasil² pertanian, pemasaran, kewangan atau pentadbiran. Ini terchatit di-dalam Fasal 2(3). Ada-lah menjadi hasrat saya bila membuat perlan-terakan² itu saya akan menetek-beratkan supaya kepentingan² bagi berbagai² kawasan di-Malaysia di-wakili dengan sa-penoh²-nya.
- (iii) Tugas² Lembaga Pemasaran ini, sa-lain dari mengeratkan kerja² pertubohan² atau Jabatan² Kerajaan yang berkaitan dengan pemasaran hasil² pertanian dan bekerja bersama² dengan badan² tersebut ia-lah memajukan pasaran yang sedia ada dan chara² pemasaran dan men-chari serta menubuhkan pasaran² yang baru bagi hasil² pertanian. Tugas Lembaga Pemasaran ini dalam kerja² tersebut, bagaimana pun tidak-lah sampai kapada pemasaran hasil² pertanian yang telah di-pertanggung-jawabkan Kanada sa-buah badan yang di-tubohkan bagi memasarkan hasil² tersebut di-bawah sa-barang

undang² yang tersendiri. Ini telah di-chatit di-dalam Fasal 3(1). Mithal-nya, Lembaga Perusahaan Nanas Malaya yang ada sekarang itu telah di-pertanggung-jawabkan, antara lain, bagi memasarkan buah² nanas dan nanas² dalam tin. Oleh yang demikian, maka Lembaga Pemasaran Pertanian ini tidak akan membelakangkan atau mengambil tempatnya memasarkan buah² nanas dan nanas² dalam tin. Sa-balek-nya Lembaga Pemasaran Pertanian ini akan bekerja bersama² dengan-nya bagi mengembangkan pemasaran yang lebeh baik lagi.

- (iv) Lembaga Pemasaran Pertanian ini mempunya'i kuasa menjalankan penyiasatan dan menyelidekan pasaran mengenai perbelanjaan² pengeluaran, tingkatan² harga dan sa-bagai-nya berkaitan dengan pemasaran hasil² pertanian, dan boleh berkehendakkan orang² untok memberi penerangan² yang diperlukan. Ini di-sebut dalam Fasal 3 (2).
- (v) Sa-belum menchadangkan sa-suatu ranchangan pasaran, maka Lembaga Pemasaran Pertanian ini hendak-lah terlebih dahulu menyiarkan kenyataan berkenaan dengan tujuan tersebut di-dalam *Warta* Kerajaan beserta dengan butir² ranchangan pemasaran itu supaya sa-siapa yang suka hendak membantah-nya boleh memberi kenyataan berkenaan dengan bantahan-nya itu dengan bertulis dan menghadhirkan diri di-hadapan Lembaga ini. Kewajipan Lembaga ini ia-lah menjalankan satu penyiasatan umum sa-belum memberi sokongan-nya atau fikiran-nya Kanada saya. Ini di-sebutkan dalam Fasal 4.
- (vi) Lembaga Pemasaran Pertanian ini mempunya'i kuasa mengeluarkan lesen² kapada

sa-barang orang atau sa-barang pertubohan menjalankan pasaran sa-barang hasil pertanian mengikut ketetapan sa-suatu ranchangan pasaran itu, tetapi suatu perlindungan yang penting ia-lah bahawa Lembaga ini tidak boleh menahankan sa-suatu lesen kepada sa-barang orang atau sa-barang pertubohan yang sebelum daripada ranchangan tersebut berjalan kuat-kuasanya telah mempunyai kebenaran atau lesen menjalankan pasaran hasil² pertanian itu. Dengan lain² perkataan, Lembaga ini tidak boleh merampas mata-pencharian sa-sa-orang yang hak melainkan dia sendiri enggan menyertai ranchangan itu. Ini telah di-sebutkan didalam Fasal 5 (3) dan (4).

- (vii) Saya, sa-bagai Menteri yang bertanggung-jawab, boleh-lah menubuhkan suatu badan pemasaran bagi mengurus dan mengawal pemasaran sa-barang hasil pertanian mengikut ketetapan sa-suatu ranchangan pemasaran tetapi, sa-bagaimana yang saya telah katakan tadi, kita mempunyai suatu perlindungan yang penting dalam mana kuasa saya tidak boleh berleluasa kepada menubuhkan suatu badan pemasaran yang bersendirian atau bersama² dengan lain² pertubohan akan mempunyai hak monopoli mengenai pemasaran hasil² pertanian di-dalam kebanyakan Negeri² dalam Malaysia. Ini di-sebutkan didalam Fasal 6(1).
- (viii) Lagi satu perlindungan ia-lah hak merujuk kepada badan Pengadilan Rayuan (Tribunal of Appeal) yang di-ketuai oleh sa-orang yang mempunyai pengalaman mengenai pengadilan². Badan Pengadilan Rayuan atau Tribunal of Appeal ini mempunyai kuasa² mengesah, meminda atau menolak sa-barang keputusan dari Lembaga Pemasaran

Pertanian Persekutuan ini. Ini di-sebutkan dalam Fasal 16.

- (ix) Fasal² yang lain dari Rang Undang² ini, bersangkutandan dengan kuasa² meminjam, memperniagakan wang², perkiraan dan odit, laporan tahunan dan lain² sa-bagai mengikut bentuk lain² undang² yang ada dan tidak berkehendakkan ulasan.

Tuan Yang di-Pertua, biar-lah saya mengakhiri dengan berkata bahawa dalam keadaan² ekonomi pertanian di-Malaysia sekarang ini kita sangat²lah memerlukan suatu dasar pemasaran yang dinamis sa-bagai satu kesan yang sangat mustahak bagi dasar pertanian aneka jenis, Kerajaan Perikatan kita. Saya rasa tidak-lah perlu bagi saya menyebut² kembali bahawa sa-barang langkah meninggikan daya-usaha petani² melipat-gandakan hasil² pengeluaran pertanian dengan menyediakan kemudahan² taliayer untuk membolehkan tanaman padi dua kali sa-tahun di-jalankan, dengan mengadakan chara² penternakan yang lebeh baik, baka² benih yang lebeh tinggi hasilnya, lebeh banyak baja² yang baik dan sa-bagai-nya hanya akan berkesan bila petani² sendiri telah memandang kepada faedah² yang di-perolehi bahagian-nya dari perkembangan ekonomi pertanian. Penubohan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan ini sa-sunggo-nya akan memenuhi keperluan yang luas yang sa-lama ini di-idam²kan oleh petani², nelayan² dan penternak² kita di-negeri ini. Lembaga ini akan menjadi sa-buah badan yang tunggal di-dalam Malaysia yang akan bertanggung-jawab bagi semua perkara² pemasaran supaya boleh-lah mengatasi dan menyelesaikan segala pertikaian atau pendapat² yang berlainan apabila terjadi di-dalam Kementerian², Jabatan² Kerajaan atau separoh Kerajaan tentang langkah² yang harus di-ambil mengenai kepentingan pemasaran sa-barang hasil² pertanian khas-nya. Sekian, terima kaseh.

Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:
Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak berchakap panjang dalam

Rang Undang² ini. Terlebeh dahulu saya suarakan sokongan saya yang sa-kuat²-nya kapada Rang Undang² Pemasaran Pertanian Persekutuan ini kerana ini-lah sa-suatu-nya yang di-tunggu² oleh ra'ayat negara kita ini. Ini-lah Rang Undang² yang sa-lama ini menjadi kemahuan yang besar kapada ra'ayat dan bumiputera negara kita ini, dengan kerana banyak daripada usaha, banyak daripada tenaga yang telah di-churahkan dalam segi pertanian ini telah memberi kesusahan, kesempitan dan menyebabkan kekurangan pendapatan kapada ra'ayat yang bertitek peloh untok menghasilkan daripada apa yang di-usahakan di-atas tanah mereka ini.

Saya suka hendak menarek perhatian Kementerian yang berkenaan kapada beberapa perkara yang mana saya minta apabila Lembaga ini di-tubuhkan kelak menjadi satu pandangan berat kapada Lembaga ini untok menimbang dan mengkaji dengan halus-nya supaya kaum tani kita tidak akan tertindas sa-lama²-nya.

Dalam masaalah pemasaran ini saya rasa perkara yang berkaitan yang sangat mustahak ia-lah berkenaan dengan kilang². Sa-kira-nya Lembaga Pemasaran ini tidak dapat menyusun satu kaedah yang dapat bekerjasama dengan kilang² yang boleh memberi pertolongan yang besar kapada Lembaga ini, saya perchaya kesulitan ini, Lembaga ini akan menempoh berbagai² kesulitan, kerana banyak kilang² yang telah di-bena di-dalam negara kita ini yang memerlukan hasil pertanian untok menjadi bahan perusahaan mereka. Saya suka menunjokkan satu chontoh, umpama-nya Kilang Rokok Malayan Tobacco. Kilang ini telah membuka station²-nya di-beberapa tempat di-dalam negeri Kelantan di-mana tanah yang sa-lama ini tidak dapat di-gunakan untok pertanian, tetapi manakala kilang ini telah membuka station² untok menanam dan menjalankan proses berkenaan dengan daun² tembakau itu, maka banyak-lah tanah² ini telah dapat di-gunakan dan banyak pekerjaan² yang telah dapat di-beri kapada anak² kampung di-situ, di-dalam negeri Kelantan itu dan

pekerjaan² juga dapat berhasil daripada tanah yang pada masa dahulunya tidak berguna langsung bagi pehak orang² kampung.

Jadi, usaha kilang ini ada-lah sangat baik, sangat berguna, sangat berfaedah kapada anak negeri yang ada di-kampung² terutama-nya, tetapi dalam perkara pemasaran ini, ada-lah satu masaalah yang besar, oleh kerana sharikat ini satu sahaja yang membuka station² itu di-negeri Kelantan, maka pemasaran daun² tembakau ini telah di-monopoli oleh sharikat ini. Jadi, sharikat ini sahaja yang membuka station²-nya dan membeli daun² tembakau yang di-tanam oleh orang² kampung di-situ, dan dengan kerana monopoli ini, harga² daun tembakau yang di-beli-nya itu ia-lah mengikut sa-suka hati-nya. Kadang² daun tembakau yang di-tanam oleh orang² kampung itu tidak mahu di-beli-nya, dengan kerana di-katakan tidak baik dan sa-bagai-nya dan daun² itu terpaksa di-buang bagitu sahaja, pada hal mereka ini bersusah payah, menitek peloh untok menanam-nya. Kadang² daun tembakau yang di-tanam-nya itu di-beri pertimbangan dengan harga yang murah yang tidak berpadanan dengan usaha dan titek peloh mereka itu.

Saya chuba juga bersuara supaya sharikat lain, kilang lain, datang ka-Kelantan bagi menanam daun² tembakau ini supaya menjadi pertandingan yang boleh memberi kehidupan yang baik kapada orang² kampung, tetapi saya nampak kilang² ini berpakat dengan sa-chara tidak rasmi sa-sama mereka, ia-itu dengan jalan mengadakan understanding, ia-itu macham negeri Kelantan umpama-nya, boleh jadi negeri yang di-usahakan oleh Malayan Tobacco. Jadi, barangkali Rothman tidak masok, dan ada pula negeri, umpama-nya di-sabelah Kedah, Rothman masok; Malayan Tobacco tidak masok. Jadi, dengan ini satu kaedah yang di-jalankan dengan sa-chara ta' langsung, satu pakatan yang berupa monopoi kapada hasil bumi ra'ayat negeri ini. Jadi, kalau sa-kira-nya kilang² yang besar yang mendapat keuntongan, yang

mendapat taraf perintis, yang mendapat keistimewaan perlindungan daripada Kerajaan, yang menjaikan usaha yang sa-macham ini, saya rasa sangat-iah tidak baik bagi negara kita ini. Kilang² ini patut berterima kaseh kapada Kerajaan, kerana memberi pejuang dan memberi perlindungan yang besar kapada mereka itu dan pembalasan-nya yang patut di-berikannya ia-lah bukan pembalasan kapada Kerajaan, tetapi satu pembalasan yang baik kapada ra'ayat dan bumiputera negeri kita ini. Jadi, pembalasan yang baik itu ia-lah dengan menghargakan titek peloh ra'ayat itu dengan memberi harga yang tinggi dan baik. Jadi, saya suka menarek pandangan pehak Menteri yang berkenaan supaya di-dalam menyusun kerja Lembaga Pemasaran ini, sangat-lah besar ertinya, kalau dapat kita mengadakan satu persefahaman—bukan maksud saya paksaan—persefahaman di-antara kiiang² yang ada dalam negeri kita ini pada peringkat permulaan, tetapi kalau mereka ini tidak mahu persefahaman dengan Lembaga ini, maka pemaksaan boleh kita jalankan bagi peringkat yang kedua. Daripada peringkat yang pertama persefahaman itu perlu, kerana kita mahu kilang mereka pun maju, ra'ayat negeri pun mendapat faedah yang baik daripada hasil perkilangan mereka itu.

Jadi, ini-lah satu kaedah, satu chontoh, barangkali Yang Berhormat Menteri tadi ada membawa chontoh berkenaan dengan kilang nanas. Kilang nanas ini, saya rasa paling mudah sa-kali untuk kita mendapatkan persefahaman; kerana kiiang nanas itu di-anjorkan dan ditubuhkan oleh Kerajaan dengan kerjasama daripada pekebun² kechil nanas, tetapi bagi kilang yang lain daripada kilang nanas ini, mungkin Kerajaan mendapat kerumitan untuk berhubung dengan chara yang baik bagi memberi harga yang tinggi kapada usaha anak negara kita ini. Jadi, ini-lah satu perkara yang besar, sebab apa, Lembaga Pemasaran ini boleh memasarkan barang² itu, kira-nya ada tempat untuk di-jual-nya. Kalau tidak, kilang yang ada dalam negara kita ini, kalau tidak di-adakan satu usaha bagi

mengeluarkan barang² ini, keluaran negeri ini umpama-nya untuk mendapat pasaran yang baik, maka usaha Lembaga Pemasaran ini sangat-lah rumit untuk berjajaian.

Jadi, pada peringkat kita meluluskan Rang Undang² yang ada ini, kita berdo'a dan berharap supaya satu kaedah yang terator dan yang baik serta kemas dapat di-jalankan. Saya kata sangat kena pada hari ini kita meluluskan Rang Undang² ini, kerana baharu sa-malam sahaja telah di-rumuskan oleh Kongres Ekonomi Bumiputera untuk Kerajaan kita ini, Kerajaan Perikatan ini mengadakan satu Lembaga Pemasaran bagi hasil² bumi. Jadi, dengan kehendak ra'ayat hari ini, Kerajaan meluluskan satu benda yang di-minta oleh ra'ayat negeri ini. (*Tepok*).

Jadi, ini-lah kita dapat menunjokkan kapada ra'ayat yang kita memberi, sedia memberi kema'amoran kapada mereka, sedia mengerjakan untuk apa juga bagi faedah mereka. Apa yang kita mahu hari ini apabila Lembaga Pemasaran ini siap di-ator, maka terpulang-lah kapada ra'ayat pula menyusun did, menyesuaikan diri dengan apa yang telah di-susun oleh Kerajaan itu.

Kita harap dengan kerjasama Kerajaan dan dengan penyusunan ra'ayat yang rapi itu, kerana apa yang di-katakan oleh Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak, roket yang kita lancharkan ini akan menjadi satu kejayaan yang besar bagi negara kita ini. Sekian, terima kaseh.

Dato' Haji Mohamed Noah bin Omar: Mr President, Sir, I welcome the Bill before the House, and I fully support it in principle. In fact, this Bill should have been introduced long ago—however, it is better late than never. Today, we have a Bill before us which is a very important one, and it is significant that today we have in the editorial of the most leading newspaper in Malaysia, the *Straits Times*, many points of interest with regard to this Bill. I would like to draw the attention of the Ministry to those points which are published in the editorial and I suggest that they should be considered

very carefully, especially in the case of price.

Mr President, Sir, I am not going to be very long, but I must say that the Marketing Board is very essential in order to guarantee a fair price to the producer. I have got a few questions to ask the Minister. One is, what is a fair price? Has some mechanism been devised to determine a fair price, so that the producer will be encouraged to increase output? That, to me, is not laid down anywhere in the Bill. This is a matter which should be taken into consideration. A fair price is a thing which is very difficult to determine and there should be a mechanism to determine that, and I would like the Minister to answer that question.

Now, Sir, another question which I would like to put to the Minister is in regard to Clause 3 (2) (b) in connection with research. My question is this: What is the type of marketing research that is proposed to be conducted? Will there be liaison with existing units in the Government and the private sector? That is a question which I would like the Minister concerned to reply.

Now, the last question which I would like to put to the Minister concerned is in respect of Clause 5 of the Bill in connection with a marketing scheme. The question is: What encouragement will the proposed Federal Agricultural Marketing Authority provide to producers to switch over—now, this is the word, "switch over"—from one product of cultivation to another which has better marketing prospects and which would bring better income to the producer? This is a very simple question.

Tuan Haji Ghazali bin Haji Jawi: Once again, please.

Dato' Haji Mohamed Noah: You want me to repeat that?

Tuan Haji Ghazali bin Haji Jawi: Yes.

Dato' Haji Mohamed Noah: Yes, I will repeat that very slowly. What encouragement will the proposed

Federal Agricultural Marketing Authority provide to producers to switch over from one product of cultivation to another which has better marketing prospects and which would bring better income to the producer? This is a very simple question. There are two products in our country, for example, cocoa and coffee and we have people, for example, planting coffee but later on they find that cocoa has a better prospect—more income, more profit. How can you encourage these people to switch over from planting coffee to cocoa? That is what I want to find out.

Lastly, Sir, we have heard that in Ghana they have got what they call a Cocoa Marketing Board, which has been going on for quite a long time and which has been very, very successful. My suggestion is this: I would like to see some of the members of this Board, if possible, to visit Ghana and see the operations of that Board, because this will be very helpful to the new scheme which you are going to introduce in our country. That is all. Thank you.

Enche' Abdul Samad bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² ini atas dasar-nya. Undang² ini sangat-lah mustahak, saya ingat lebeh kurang harus-lah 60% daripada ra'ayat menyokong-nya, kerana ini-lah satu undang² yang hendak menjaga pasaran, segala perkara yang bersangkutan dengan pertanian yang di-keluarkan oleh ra'ayat, khas-nya di-luar bandar, dan saya bersetuju dengan dua² orang Ahli Yang Berhormat yang berchakap sa-bentar tadi. Rang Undang² ini sangat-lah mustahak, tetapi satu sahaja yang saya berasa dukachita, ia-itu saya mengikuti di-dalam siaran surat khabar, apabila Rang Undang² ini di-luluskan di-Dewan Ra'ayat, chuma yang ada satu perlima sahaja yang dudok di-dalam Dewan itu.

Ini-lah yang saya ingat satu Rang Undang² yang patut sa-kali Wakil Ra'ayat mengambil bahagian lebeh² lagi untok membahath-nya kerana ini-lah yang sangat berguna kapada orang

kampong. Saya telah baca Bill² ini ada satu dua; saya dengar tadi Yang Berhormat Menteri kita telah memberi laporan-nya sa-masa membentangkan Bill itu dia sebutkan banyak. Saya tidak dengar satu perkara yang beliau sebutkan benda apa yang kita hendak pasarkan ini, dia chakap umum. Adakah benda itu ikan-kah, getah-kah, kelapa-kah tetapi sungguh pun bagitu ada di-dalam Bill ini dalam muka 8— Interpretation:

"17. In this Act unless the context otherwise requires—

"agricultural produce" means any agricultural or horticultural produce (whether processed or otherwise) and includes farm and farm-yard animals (whether alive or slaughtered), the flesh or hide of such animals, poultry, dairy produce, fish and fishery products;"

Maka dengan kerana ini nampak-nya luas-lah barang² yang di-katakan agricultural produce ini. Kemudian, saya balek kapada perkara ini—yang saya berasa tidak sedap hati sedikit dalam Bill ini juga di-muka 3 kata-nya:

"The expression "agricultural produce" in paragraph (b) shall not include any agricultural produce in respect of which an authority charged with the responsibility of marketing such produce has been established, and in respect of which methods of marketing have been provided for, under any written law."

Jadi, yang saya katakan umum ini, apa-kah benda yang telah termasuk di-bawah "produce..... authority charge....." itu, kita tidak tahu. Jadi oleh sebab itu daripada Interpretation 17 itu banyak mana-kah tidak termasuk. Clause itu saya nampak umum-lah, barangkali lebeh baik kalau boleh di-tukarkan chara-nya. Mithal-nya, kalau di-katakan benda yang sudah authority charged with the responsibility of marketing itu ada perkara² seperti nanas, getah, copra; kata-lah lima perkara, buboh di-situ does not include these five things jadi senang-lah. Macham sekarang kita tidak tahu yang mana termasuk pasaran ini yang mana tidak termasuk pasaran itu. Saya harap sa-kejap lagi Menteri yang berkenaan akan khabar-lah yang mana supaya kita dapat tahu.

Kemudian, tadi saya dengar Menteri berkata bahawa bila Lembaga Pemasaran Pertanian ini kita luluskan ia-itu ini akan termasuk-lah keseluruh Malaysia. Tetapi pada tiap² negeri macham Borneo, Sarawak dan Singapura, maka persetujuan terlebih dahulu di-dapati daripada negeri² itu sa-belum di-buat apa² rancangan, itu saya sangat bersetuju-lah dan baik tujuan itu.

Satu perkara lagi berkenaan dengan pasaran. Tadi saya dengar Menteri berkata sa-kira-nya besok Lembaga Pasaran ini akan membuat apa² rancangan tetapi Lembaga Pemasaran ini tidak akan menghapuskan semua sakali pasaran yang telah ada sa-belum Rang Undang² ini di-luluskan. Maka kerana itu, saya nampak sedikit rumit; saya tidak tahu-lah macham mana-kah Lembaga Pemasaran ini akan membuat rancangan yang tidak akan menjadi berchanggih dengan pasaran yang ada sekarang ini. Kerana sungguh pun kita tahu baik², bahawa pasaran yang ada sekarang ini tidak memuaskan hati dan tidak menguntongkan orang² kata-lah orang nelayan, kalau ada pasaran ikan, dia sendiri tidak dapat untong yang sa-penoh-nya kerana ikan yang di-tangkap daripada laut itu di-beri kapada orang tengah, orang itu-lah bawa ka-pasar itu. Tetapi sungguh pun bagitu, sudah banyak ada pemasaran yang bagitu di-dalam negeri kita ini, baik pun dari segi ikan, baik pun dari segi kelapa, baik pun segi buah²an, baik pun segi sayur² dan baik pun segi padi. Jadi sa-kira-nya besok pula Lembaga Pemasaran ini akan membuat satu rancangan yang berlawanan dengan pasaran yang ada sekarang ini, macham mana-kah akan jadi, itu yang saya nampak susah hati.

Saya beri satu mithalan. Sa-orang China bernama Ah Leng, dia buat contract pasaran, ambil ikan di-Pulau Langkawi, orang yang tangkap ikan semua-nya orang Melayu. Tangkap ikan di-Pulau Langkawi bawa dekat dia, daripada situ dia naik motor pergi ka-Kuala Perlis, daripada Kuala Perlis terus dengan lori sampai ka-Taiping, Ipoh dan terus ka-Kuala Lumpur. Jadi

kalau Lembaga Pemasaran ini berchadang, di-situ patut di-buat satu pasaran yang mengandongi daripada nelayan² sendiri, berma'ana Ah Leng itu tidak dapat-lah lagi berniaga, sebab orang nelayan sendiri yang tangkap itu akan buat dengan jalan sharikat atau apa pula. Kemudian mereka buat lori hantar lori ka-mari, apa pula akan jadi. Jikalau sa-kira-nya ada kenderaan bagitu, bagaimana-kah chara yang Lembaga Pemasaran ini dapat mengatasi soalan, jikalau ada berbangkit yang sa-macham itu. Jadi oleh sebab itu-lah saya nampak chara² yang senang ini Menteri kita tidak beri tahu kepada kita bagaimana yang hendak di-buat ini, chuma-nya dia memberi tahu orang² yang hendak duduk di-dalam Lembaga itu. Itu tidak apa-lah, kita bersetuju-lah semua. Chara bagaimana yang hendak buat pemasaran ini bagi tiap² jenis perolehan ia-itu seperti padi, kelapa, getah, ikan dan lagi pula apa-kah perolehan² yang tidak termasuk dalam ini, seperti nanas, getah dan lain²-nya. Sekian.

Enche' Abdul Rahman bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, di-dalam meng-alu³kan Rang Undang² Pemasaran Persekutuan ini saya menyokong penoh atas Rang Undang² ini, dan saya suka mengambil peluang menyen-toh atau pun memperingati satu dua perkara kepada Kementerian yang berkenaan, berkenaan dengan Rang Undang² ini. Saperti mana yang telah di-fahamkan, bahawa tujuan Rang Undang² ini di-adakan bukan sahaja untok mengatasi segala kesulitan dan tidak puas hati yang telah berlalu sa-lama ini di-segi pasaran tetapi juga akan melichinkan gerakan pasaran di-masa hadapan. Dan bukan itu sahaja tetapi akan mendatangkan ke-untongan dan memberi faedah yang besar kepada penduduk² di-luar bandar khas-nya, kerana kita tahu sa-bahagian besar bahan² untok di-jadikan pasaran pada hari ini ia-lah datang-nya dari-pada bahagian luar bandar yang mana keluaran daripada petani².

Sa-kali pun Lembaga Pemasaran akan bertanggung-jawab atas pasaran di-masa hadapan, tetapi kalau-lah tidak kita membuat penentuan kepada

pehak² yang patut mendapat-nya, maka sudah tentu tujuan kita itu harus tidak akan mendatangkan keuntongan yang sewajar-nya. Jadi, di-dalam segi ini, kuasa penoh akan di-beri kepada Lembaga yang akan di-tubuhkan kelak. Saperti mana saya katakan tadi, hasil daripada pengeluaran ada-lah datang daripada petani² daripada luar bandar, maka pada satu masa apabila Lembaga ini di-tubuhkan di-peringkat pusat, negeri dan daerah, penentuan hendak-lah di-buat dan di-tujukan kepada badan² yang hari ini di-dukong oleh kebanyakan-nya daripada ahli² yang datang daripada penanam padi atau pun orang² luar bandar yang menge-luarkan bahan² ini, terutama sa-kali, maksud saya, ia-lah kepada badan² kerjasama, seperti bank² sharikat yang ada di-tubuhkan di-tiap² buah negeri.

Dengan jalan ini bukan sahaja kita memberi keuntongan kepada ahli bank atau pun penanam padi itu, tetapi keuntongan yang akan di-dapati sedikit sa-banyak atas hasil yang akan di-jalankan oleh badan itu kelak akan terpulang balek kepada orang² yang mendukong-nya atau pun ahli²-nya.

Berhubong rapat dengan badan ini nanti, kuasa penoh akan ada kapada-nya bagi menentukan satu² lesen yang akan di-keluarkan oleh Lembaga ini. Sa-panjang yang saya ketahui, kalau tidak ada perlawanan sedikit sa-banyak dalam pasaran, tentu-lah tidak akan mendatangkan hasil yang baik kepada pengeluar². Hari ini satu perkara yang menjadi pertandingan yang kuat, ia-lah padi. Di-dalam negeri ini beberapa banyak kilang² besar padi terdiri daripada kilang² saudagar dan bagitu juga kilang² Kerajaan. Hari ini Kerajaan menentukan dan pada masa hadapan Lembaga ini-lah yang akan menentukan harga-nya nanti. Tetapi dalam pada itu, kilang Kerajaan hendak-lah membeli berhabis²an, jikalau tidak, bagaimana masa yang lalu dengan tidak chukup pembelian yang di-buat oleh kilang² Kerajaan itu, maka itu telah menjadi alasan kepada kilang² padi yang lain bagi menurunkan harga kerana sedangkan Kerajaan tidak dapat membeli dengan sa-penoh-

nya maka itu-lah sebab-nya kami tidak dapat memberi harga yang baik, kata mereka. Itu sa-panjang yang saya dapat tahu masa² yang lalu.

Sa-perkara lagi bila Lembaga ini hendak mengeluarkan satu² lesen hendak-lah menentukan bayaran. Pada masa yang lalu tidak pun di-tentukan. Hari ini, saya mithalkan, satu kilang dapat mengeluarkan modal pusingan yang berjuta² ringgit dan di-dalam menjalankan perniagaan yang banyak, Kerajaan mengeluarkan lesen dengan tidak menentukan bayaran satu² lesen yang di-keluarkan. Jadi kalau-lah kita dapat menentukan bayaran satu² lesen kepada satu² badan yang akan menjalankan lesen pasaran nanti, tentu-lah sedikit sa-banyak dapat perolehan untuk menutupi perbelanjaan atau pun menampong sedikit sa-banyak perbelanjaan kepada badan ini atau Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sa-kali lagi menyokong penoh Rang Undang² ini dan di-harap kepada Lembaga Pemasaran ini dapat memberi perhatian yang penoh terutama sa-kali keutamaan patut-lah di-beri kepada badan² pergerakan kerjasama kerana dengan ini dapat-lah memberi faedah seluroh-nya kepada petani² atau pun orang² yang di-luar bandar yang mengeluarkan hasil pertanian. Sekian, terima kaseh.

Enche' Athi Nahappan: Mr President, Sir, undoubtedly this is an important Bill and I agree with the previous speakers, particularly the Honourable Dato' Haji Mohamed Noah. I think the wise Dato' has raised some important questions. I myself have the *Straits Times* here, and I was going to raise more or less the same points.

Sir, before I go into the various points, may I, with your leave, Sir, just refresh ourselves as to the present position without, of course, tiring you. I think we have to keep reminding ourselves constantly of the fact that we are by and large an agricultural country, that agricultural forms at least nearly 50 per cent, of the gross national production and that about 60 per cent, of our people still rely on

agriculture. These facts are very basic. They are not merely figures, but they are also human beings—and as a human factor it is of importance to us. To the export earnings of our country, agriculture, as we all know, contributes something like two-thirds. But are we producing enough for our needs? We are importing at least 44 per cent, of our food needs into this country, roughly spending about \$550 million or so for our food needs, and though we produce now two-thirds of our rice here, we are still spending something like \$130 million odd for rice importation.

These are the background information and at this time that this Bill has come before us, it is important—it is important at any time, but it is more so now—especially in view of the recent the Konggres Ekonomi Bumiputera that was held here for three days. In the very instructive book that they have brought out, there is a working paper on this very subject itself. At a time like this when the Congress has decided that there should be a new bank for the Bumiputeras, a Bill of this nature falls in line with the general feeling of the people that something must be quickly and effectively done on this need. This has been a pressing need for a long time. I am very glad that we are now making a real attack on it, trying to grapple with the problem, and I hope that this Bill will be effectively enforced.

This Bill is significant for what it says, and also it is significant for what it does not say in a number of aspects, and, as the *Straits Times* has raised it, how the various powers raised therein are going to be enforced remains a question of importance. Sir, effective marketing mechanism is all too important. Unfortunately, in all the emerging countries this was a weak link, perhaps as a direct effect of the economic structure of the country; in a backward agricultural country the marketing system is always not quite up-to-date except in certain fields like the rubber industry that we have here, where the marketing system has been

operating quite effectively, at any rate for the purpose of export. The marketing system has got to function for internal requirements as well as external requirements—i.e., from the rural areas into the urban areas, the system must work well; and at the same time from the rural areas into the urban areas and across the sea into foreign countries it must also work well.

Sir, the Government has been doing, as we all know, a lot in the field of agriculture, though the figures have been misquoted, twisted and distorted elsewhere, saying that out of the \$18 million provided, half of it has been used for the luxury of the Ministry and its staff. Sir, that was, of course, a deliberately warped view of the matter, and we do not want to waste our time trying to defend ourselves over it. Everybody knows the facts. But though the Government has done a lot in the field of irrigation, in improved land tenure, in agricultural credit institutions and so on—and these are important in themselves for the purpose of laying the agricultural infrastructure, to lay the foundations for the farmers—but still there is another thing also which is important for the farmers—i.e., in terms of cash return incentive for them. You may provide all these things, but in the ultimate analysis, if the farmer is not going to get sufficiently for his crops, then there is no incentive, there is no inspiration. This incentive can come about by an effective marketing system. This has been generally recognised. What is the present position of our farmers?

Our economy is lopsided in the sense that about 60 per cent, of our people are relying on agriculture, whereas in most advanced countries, like the United States, slightly less than 10 per cent, of the entire population are relying on agriculture, and yet they over-produce. There the Government gives them subsidy to produce less, but here we have to encourage our people to produce more despite the fact that the vast majority of our people are relying on an

agricultural economy. Now, our agricultural economy is a subsistence economy. They produce and they use up a large portion of what they produce. They have only a small portion left for consumption elsewhere. The farmers, unfortunately, are not aware of up-to-date market conditions, or marketing opportunities.

One of the reasons that has been said over and over again as to why farming in this country is at a subsistence level is because of the very small plots of lands owned by the farmers. They are not agriculturally productive and they are too small to make them into an increased level of production. Though the Government has done something in the form of offering a guaranteed minimum price for padi, and also cooperative credit societies have been formed in parts of the country, still it is a stark fact that the farmers' bargaining position is weak *vis-a-vis* the people who control the market, the people who run the market, and something is needed now to help these farmers, so that they can understand the marketing mechanism, the market conditions, and it is then only that they would be in a position of strength with more sophistication.

Sir, the Honourable Minister said that the present system is imperfect. That is very true. It has been imperfect for a very, very long time. Some of the known causes of this imperfection, as you all know, for instance, are the rural indebtedness of the farmers—and they have been the victims of the traditional credit system, despite the fact that the Government has been trying to provide more up-to-date credit facilities, the small size of the farms, the lack of know-how, the lack of grades and standards, and, it has been said, the rigidity in the buying and selling, the middlemen's monopoly, cartels and price rings and so on and so forth. All these problems are there. The question is how they are to be removed. It is a known fact that the *padi kuncha* system has been going on for many, many years. Then, there are the merchant/moneylenders who lend on this system and then get back a

portion of the harvest in return—not only that, but they also buy up the produce at a very low price. These people the merchant/moneylenders, have been literally exploiting the farmers for a long, long time. There has got to be a real attack on this exploitation.

Sir, on the questions of the small size of the farms, even though we may provide a good marketing system, and I do not know whether it comes within this subject, the fact is that unless we do something there, the economic production may not be very progressive and may not be very effective. Elsewhere, Sir, the average farmland is about 200 to 300 acres, and many of them are even bigger—I visited a farm in Illinois in the United States and the farm that I visited was about 300 acres, and it was managed by one labourer with all kinds of gadgets. To even visualise that kind of thing here, perhaps, is difficult for us, but we have to think in terms of making a real attack in consolidating the small size of the farmlands so as to increase their productivity.

The other difficulties, it has been said, are the lack of uniformity of the weights and measurers, poor transportation facilities from the rural area into the town area, the lack or the absence of proper standards and grades of qualities and, generally, information on market conditions. This matter of grading has, for instance, been the source of irritation; there have been a lot of disputes on that; and there have been also malpractices and unscrupulousness. Something should be done so as to standardise things and to bring about more sophistication, so that farmers would not be exploited there.

As regards weights and measures, Sir, still the old system of the balance stick is commonly used in various parts of the country. Here again, there is a room to bring more up-to-date methods, so that malpractices can be effectively removed. Because of the small size of the farms and the small amount of produce, assembling is difficult and transportation is difficult.

This, again, is a field where, to make the marketing more effective, this Authority that is envisaged can find out ways and means.

Sir, the Bill provides a number of machineries. I have been going through it, but I have not been able to comprehend or visualise how some of these powers will be exercised. Clause 3, Sir, states the functions, the executive functions, of the proposed Authority. Clause 3(1)(a) says, "to co-ordinate the activities . . ." Now, Sir, "to co-ordinate the activities" presumably means that there is the existing machinery of marketing system—there are the various people, either body in-corporate, or otherwise, carrying on this system. Is the Authority going to co-ordinate all these people into one systematized form of functioning? If so, how is it to be done—whether there is power in that process to eliminate the superfluous ones, whether the power can be granted under this Ordinance and, if it is done, whether it would come in conflict with other provisions, especially the constitutional rights? These are some of the points that struck my mind, because the Ordinance is significant, as I said, for what it says as well as what it does not say.

Sir, I see that there is at Clause 3 (2) a sweeping phrase used: "The Authority shall have power to do all things reasonably necessary for or incidental to the discharge of its functions . . ." The functions are mentioned here in Clause 3(1), and under Clause 3 (2) the power is given to do all things reasonably necessary within the discretion of this Authority, and then—more particularly (a), (6), (c) and (d)—four things are mentioned. I would be grateful, if the Honourable Minister will tell us what kind of co-ordination is envisaged and whether, under this, it can call up all these operators to submit to a general scheme jointly, whether or not they like it, and in that process can it cancel existing licences? These are some of the questions, and I shall be grateful if the Minister can attempt to answer them.

As regards Clause 3 (1) (b), Sir, it says, "to consider and promote . . .". This, of course, is a research field of envisaged activity, and this is highly useful, because one of the known causes of our weakness is the lack of information on the part of the farmers, and all information necessary should be posted to them by various means—and this, I am sure, will be of very great use.

Clause 3 (1) (c), of course, provides for collaboration with persons or bodies either incorporate or un-incorporate to promote efficient and effective marketing of agricultural produce.

Clause 3 (2) (a) says, "subject to the provisions of section 4, to consider any marketing scheme by whomsoever submitted, or of its own motion to propose any marketing scheme;". Sir, I am not very clear whether every person who is operating now is required to submit a scheme under this Clause, or whether such person will be allowed to carry on, and that it is not obligatory to everyone who is carrying on to submit any scheme, but that whoever wishes may submit. According to this Clause, it does not make it clear that everyone who operates must of necessity, or as a matter of obligation, submit a scheme so as to co-ordinate. If the intention is to co-ordinate, it can only be co-ordinated between the existing ones. I mean, it presumes that there are certain existing functionaries and they have got to be co-ordinated, but it is not very clear under paragraph (a), and I should be very grateful if the Minister could clarify that point. Of course, paragraph (b) merely says, "to cause to be carried out marketing research as to cost of production, price levels" and so on. Nowhere does it say, and I agree with the wise Dato' that there is no power given anywhere to fix any fair price or otherwise. That would, of course, be going into a new realm of power and it would be introducing price control, and I do not know whether that is desirable in a market economy such as ours where we want the free interplay of market forces. Of course,

the Authority such as is envisaged here being a watch-dog can keep things under control and can eliminate undesirable manifestations. But on whether price control would be needed—I do not think so—I do not think this Ordinance itself makes provision for it, though it gives power here under Clause 3 (2) to make researches as to price levels and, perhaps, it is to do research on reasonable price levels.

